

AKHBAR : UTUSAN

TARIKH : 03.07.2015

M/S : DN11

Arpah Pengerusi SPA baharu

*Utusan
M/S DN 11
3-7-15*

PUTRAJAYA 2 Julai - Bekas Ketua Setiausaha Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Arpah Abdul Razak dilantik sebagai Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) yang baharu.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr. Ali Hamsa berkata, pelantikan tersebut telah diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Abdul Halim Muadzam Shah mengikut Fasal (4) Perkaras 139 Per-

lembagaan Persekutuan.

"Bekas Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan, Datuk Abd. Shukor Ibrahim dan bekas Pengarah Bahagian Pembangunan Organisasi Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Datuk Norzam Mohd. Nor pula dilantik sebagai Ahli-ahli SPA.

"Pelantikan-pelantikan tersebut adalah untuk tempoh tiga tahun mulai tarikh mereka mengangkat dan memandatangani sumpah



ARPAH ABDUL RAZAK

jawatan dan sumpah setia," katanya dalam satu kenyataan, di sini hari ini.

AKHBAR : METRO

TARIKH : 03.07.2015

M/S : S90

Arpah pengerusi baru SPA

Putrajaya: Bekas Ketua Setiausaha Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Seri Arpah Abdul Razak dilantik sebagai Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA).

Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Ali Hamsa berkata, pelantikan berkenaan berkenan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong mengikut Fasal (4) Perkara 139 Perlembagaan Persekutuan.

"Selain itu, bekas Timbalan

Ketua Setiausaha (Pembangunan Pendidikan) Kementerian Pendidikan Datuk Abel Shukor Ibrahim dan bekas Pengarah Bahagian Pembangunan Organisasi, Jabatan Perkhidmatan Awam Datuk Norzaim Mohd Nor dilantik sebagai ahli SPA," katanya dalam kenyataannya semalam.

Ali berkata, pelantikan mereka untuk tempoh tiga tahun mulai tarikh mereka mengangkat dan menandatangani sumpah jawatan dan sumpah setia.